

## KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : 6 SEPTEMBER 2017

40

KUALA LANGAT. SEPANG

RABU 6 SEPTEMBER 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRO - 019-6680920/ 019-3371066

### Mosti jangka 170 audit teknologi tahun ini



Wilfred (dua, kiri) melihat demonstrasi dilakukan peserta ketika melawat rerau di MIFB 2017, PWTC, baru-baru ini.

**KUALALUMPUR**- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) mengumumkan sebanyak 320 Audit Teknologi dilaksanakan melalui program Sirim-Fraunhofer pada tahun 2015 dan 2016.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangar berkata, bagaimanapun kementerian menjangkakan sebanyak 170 audit teknologi bakal dilengkapkan pula pada tahun ini.

"Kerjasama Sirim-Fraunhofer melalui perkongsian strategik melancarkan model inovasi perindustrian Sirim yang menerapkan prinsip model Fraunhofer dari Jerman berkenaan penyelidikan gunaan bagi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Syarikat yang menyertai program audit ini terdiri daripada pelbagai sektor industri seperti kejuruteraan, pemesinan dan elektronik. Bagaimanapun sektor makanan dan minuman mendominasi keseluruhan audit teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan seminar sehari sempena Pameran Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia ke-18 (MIFB 2017) di PWTC, di sini, baru-baru ini.

Pada masa sama, menurutnya, hasil daripada program audit itu juga menunjukkan perlunya intervensi teknologi bagi syarikat untuk meningkatkan produktiviti.

"Lebih 45 projek diluluskan untuk program peningkatan teknologi termasuk 36 projek yang dikenal pasti untuk program

**Lebih 45 projek diluluskan untuk program peningkatan teknologi termasuk 36 projek yang dikenal pasti untuk program pemupukan."**

- Wilfred Madius

pemupukan.

"Inovasi pertama yang dibangunkan Sirim adalah inovasi jaringan food 4 future yang dilancarkan pada tahun lalu yang kini mempunyai 12 ahli dari PKS," katanya.

Wilfred berkata, jaringan itu melibatkan pengajuran bengkel radar teknologi pasaran dalam pemprosesan makanan dan senario semasa termasuk lawatan belajar bagi amalan industri baik dan melaksanakan tinjauan industri PKS.

"Melalui Inovasi jaringan ini, dua projek demonstrasi yang melibatkan pembangunan Loji Termal Solar Skala Perindustrian yang menghasilkan air panas untuk proses perindustrian dilaksanakan Sirim," katanya.

Dalam pada itu, lima ahli jaringan Inovasi food 4 future mengambil bahagian di bawah Pavilion Sirim di MIFB 2017 adalah Solo Labelle Technology Sdn Bhd, Halaljet Products Sdn Bhd, Algaetech International Sdn Bhd, Ever Delicious Food Industries Sdn Bhd dan Muslim Kitchen Sdn Bhd.



[KLIK]

**KERJASAMA** Sebahagian peserta Program Ibadah Korban Puteri Umno Bahagian Kuala Langat bersama warga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jugra. Program tersebut turut dianjurkan Puteri sebagai usaha mendekati isteri-isteri tentera (Bakat) yang menyertai dalam program diadakan di Kem TUDM, baru-baru ini.

## Hasnul setuju pandangan Khalid

Adun Morib turut mahu Pakatan Harapan jelas hala tuju

**MORIB** - Adun Morib, Hasnul Baharuddin bersetuju pandangan Pengarah Komunikasi Amanah, Khalid Abdul Samad supaya Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin menerima pandangan dan keputusan Pakatan Harapan berhubung kerjasama politik dengan Pas.

Menurutnya, PRU14 terlalu hampir dan Pakatan Harapan perlu jelas terhadap sikap dan hala tuju supaya sokongan rakyat tidak berlabuh bagi.

"Kita perlu berbuat demikian untuk melakukan reformasi total di peringkat kerajaan persekutuan.

"Sikap Pas yang lebih cenderung bersendirian dan kononnya akan jadi king maker tak boleh diharapkan apa-apa lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Khalid mengenai rundingan Pas, Pakatan Harapan bermasalah kalau keputusan bercanggah seperti dilaporkan Sinar Harian semalam.



Hasnul turut mengedarkan daging korban ke kawasan penempatan penduduk di Taman Jugra Jaya.



HASNUL

Hasnul berkata, Pakatan Harapan mempunyai kekuatan tersendiri dan Keadilan juga tidak harus berlengah lagi untuk berunding dengan Pas.

Sementara itu, Khalid mengulas mengenai kenyataan Mohamed Azmin bahawa tindakan beliau untuk berunding dengan Pas adalah tepat.

Ia susulan kenyataan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ber-

setuju hubungan PKR dengan Pas diteruskan.

Khalid juga memberitahu, pandangan Azmin itu bagaimanapun tidak akan sesekali memecahbelahkan parti yang bergabung dalam Pakatan Harapan.

Dalam pada itu, Hasnul turut mengagihkan daging korban kepada penduduk sebagai tandanya mengimarahkan tradisi mendar daging kepada golongan yang memerlukan.

Beliau gembira apabila terdapat penglibatan penduduk, termasuk di kawasan perumahan, masjid dan surau yang mengambil peluang menjalankan ibadah Korban di komuniti masing-masing.